

# TIGER BALM® NECK & SHOULDER RUB BOOST

Menthol/ Methyl Salicylate (16% w/w / 14% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost*
2. Bagaimana *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost*
4. Cara menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost*
5. Semasa menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost*
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost*

Memberi kekuatan tambahan untuk melegakan sakit pada leher dan bahu, ketegangan, keletihan dan kekejangan otot.

## Bagaimana *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost* berfungsi

Mempunyai kesan dingin kepanasan yang ringan dan kesan analgesik. Apabila diurut perlahan-lahan pada kulit, kesan sejuk dirasai diikuti dengan rasa hangat. Rasa hangat ini boleh bertahan sehingga beberapa jam.

## Sebelum menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost*

### -Bila tidak boleh menggunakannya

Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap mana-mana bahan ubat itu.

### -Sebelum mula menggunakannya

Ia boleh menyebabkan tindakbalas alergi kepada sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif. Sebelum menggunakannya, cuba pada

permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Untuk individu yang mengambil warfarin (ubat untuk cair darah), gunakan atas nasihat doktor untuk mengelakkan penggunaan berlebihan kepada kulit yang boleh menyebabkan pendarahan.

## Cara menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost*

### -Berapa banyak harus digunakan

Gunakan hanya secukupnya dan sapu pada bahagian yang terjejas.

### -Bila perlu digunakan

Gunakan apabila mengalami sakit pada leher dan bahu, ketegangan, keletihan dan kekejangan otot.

### -Berapa lama perlu digunakan

Disyorkan untuk menggunakan 2 hingga 4 kali sehari sehingga 7 hari bila diperlukan.

### -Jika terlupa menggunakan

Sila rujuk dengan doktor tentang apa yang anda perlu lakukan jika terlupa menggunakannya. Anda mungkin akan terus mengalami gejala ketidakselesaan yang disenaraikan.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau sesiapa yang mungkin menggunakan ubat ini secara berlebihan atau pengambilan berlebihan secara tidak sengaja berlaku, sila rujuk dengan doktor secepat mungkin, atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat. Lakukan demikian walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin perlukan rawatan.

## Semasa menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost*

### -Perkara yang perlu dilakukan

Sapukan pada bahagian yang sakit perlahan-lahan sehingga diserap sepenuhnya.

### -Perkara yang tidak boleh lakukan

- Jangan sapu *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost* pada luka terbuka atau pada kulit yang mengalami iritasi.
- Jangan dibalut dengan ketat.
- Jangan gunakan pada kanak-kanak bawah umur 3 tahun.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap kesan dingin kepanasan perlu berhati-hati menggunakan ubat ini.
- Wanita mengandung dan wanita yang menyusukan anak hendaklah berunding dengan doktor sebelum menggunakannya.
- Langkah berhati-hati perlu diambil semasa merawat kanak-kanak.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan mata, selaput lendir atau luka.
- Berhenti gunakan jika berlaku iritasi pada kulit.
- Untuk kegunaan luaran sahaja. Jauhi daripada kanak-kanak.

## Kesan- kesan sampingan

Boleh menyebabkan tindak balas alergi bagi sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web <http://www.npra.moh.gov.my> (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

**Cara Penyimpanan dan Pelupusan  
*Tiger Balm Neck & Shoulder Rub  
Boost***

**-Penyimpanan**

Ia adalah disyorkan untuk menyimpan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub Boost* pada suhu bilik tidak melebihi 30°C. Guna dalam jangka masa 3 tahun dari tarikh pembuatan.

**-Pelupusan**

Ubat tidak boleh dilupuskan ke saluran air. Minta nasihat ahli farmasi anda mengenai cara pelupusan jika ubat tidak digunakan lagi.

**Maklumat Lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

Krim putih dengan warna hijau dan mempunyai ciri bau.

**-Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif:

Menthol, Methyl Salicylate.

Bahan tidak aktif:

Capsicum Oleoresin, Methyl Glucose Dioleate, Glycerine, Fragrance, Triethanolamine, Germaben II, Colouring agent, Water (Purified), Poly (Methyl Vinyl Ether/ Maleic Anhydride) Decadiene crosspolymer.

**-NomborMAL**

1. MAL10080073X
2. MAL12105074XCS

**Pengilang**

1. Tiger Balm (M) Sdn. Bhd,  
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,  
Tebrau Industrial Estate,  
81100 Johor Bahru, Malaysia.
  
2. OLIC (Thailand) Limited 166 MOO  
16, Bangpa- In Industrial Estate,  
Udomsrayuth Road, Bangkrason  
Sub-District,  
Bangpa- In District,  
Ayudhaya Province, Thailand.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Tiger Balm (M) Sdn. Bhd,  
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,  
Tebrau Industrial Estate,  
81100 Johor Bahru, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

06/03/2018

**Nombor siri**

NPRA (R4/1) 060218/00039